

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN BATAS ETNIK DI SEKOLAH KEBANGSAAN ZON UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA

*(Validity and Reliability of Ethnic Boundary Instruments at the Northern Zone Primary
Schools in Peninsular Malaysia)*

Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah & Chang Peng Kee

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengesahkan instrumen bagi menilai konstruk batas etnik dan menentukan kestabilan kesahan dan kebolehpercayaan kandungannya melalui kajian rintis. Kerangka kerja dan pembangunan instrumen batas etnik adalah berdasarkan model Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP). Kajian ini disusun dalam tiga fasa, iaitu tinjauan literatur, penterjemahan instrumen, serta analisis kesahan dan kebolehpercayaan kandungan. Pemboleh ubah batas etnik yang terdiri daripada empat dimensi, iaitu material, status sosial, tuntutan sosial, dan tuntutan gantian, dengan 12 item digunakan dalam kajian ini. Satu kajian rintis dilaksanakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen melalui skala alfa Cronbach dan analisis deskriptif. Kajian rintis dilakukan di lapan buah sekolah rendah di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis, yang mewakili Zon Utara Semenanjung Malaysia. Analisis kebolehpercayaan mengesahkan bahawa alfa Cronbach untuk keseluruhan konstruk batas etnik menjelaskan nilai yang kuat dan sangat baik bagi setiap dimensi. Kesemua 12 item tersebut diterima untuk digunakan dalam kajian lapangan. Oleh itu, instrumen untuk batas etnik yang digunakan untuk kajian rintis ini diterima untuk membantu para guru memahami dan membantu mengukur batas etnik mereka di persekitaran sekolah. Instrumen penilaian sendiri sempadan etnik ini boleh menjadi panduan dan sumber penting dalam membantu guru menentukan dan memahami batas etnik mereka dengan lebih berkesan, sekaligus mewujudkan hubungan etnik yang harmoni di sekolah.

Kata kunci: batas etnik; guru-guru; sekolah kebangsaan; kesahan; kebolehpercayaan

ABSTRACT

This study aims firstly to confirm the validity of an instrument that evaluates ethnic boundaries as a construct and secondly to determine the content's validity and reliability through a pilot study. The framework and development of the ethnic boundaries instrument is based on the Context-Input-Process-Product Evaluation (CIPP) model. This article is organised in three phases, namely the literature review, instrument translation, and the content validity and reliability analysis. The ethnic boundary variables consisted of four dimensions, namely materials, social status, social claims, and replacement claims, with 12 items, utilized for this study. A pilot study was conducted to determine the reliability of the instrument through the alpha Cronbach's scale and descriptive analysis. It was conducted in eight primary schools in Kedah, Pulau Pinang, Perak and Perlis, covering the Northern Zone of Peninsular Malaysia.

The analysis of the reliability confirmed that alpha Cronbach's for the overall ethnic boundary construct explained an excellent and strong value for each dimension. All the 12 items were accepted to be retained for the field study. Thus, the ethnic boundary instrument utilized for this pilot study was accepted to assist teachers in understanding and measuring their ethnic boundaries in a school environment. This self-evaluation instrument of ethnic boundaries could be an essential guidance and resource to help teachers to determine and understand their ethnic boundaries more efficiently, as well as for establishing a pleasant, harmony ethnic relations in schools.

Keywords: Ethnic boundary; teachers; primary schools; validity; reliability

PENGENALAN

Konsep dan kajian berkenaan hubungan etnik di Malaysia, menurut Mansor Mohd Noor (2005), telah dipelopori oleh Pusat Pengajian Perbandingan Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia bermula 1971. Walau bagaimanapun, oleh kerana kurangnya minat serta permintaan daripada pelajar-pelajar, maka ia telah diturunkan ke taraf *minor* dan akhirnya hanya menjadi sebagai sebuah kursus sahaja. Pengkhususan dalam bidang tersebut hanya mula berkembang pada 2006, apabila Kursus Hubungan Etnik telah diangkat martabatnya menjadi kursus wajib di IPTA hasil daripada cadangan Kertas Integrasi Etnik yang diangkat oleh Mansor Mohd Noor sendiri dengan modul yang dibangunkan oleh Shamsul Amri Baharuddin yang merupakan perintis dalam kajian hubungan etnik (Shamsul A. B, 2007). Salah satu takrifan yang sering ditemui dalam tinjauan literatur berkaitan pentakrifan kajian hubungan etnik ialah istilah kesepaduan sosial yang menunjukkan bagaimana perbezaan tahap batas etnik dalam kalangan rakyat Malaysia pelbagai etnik yang berupaya mengelakkan daripada terjebak dengan pelbagai paradigma konflik dan ketegangan dalam masyarakat. Maka, bagi mencapai matlamat ini, batas etnik dalam kalangan warga pendidik perlu ditambah baik.

Selaras dengan itu, bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai teras pembangunan pendidikan kebangsaan perlu dijadikan sebagai salah satu titik permulaan bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai etnik melalui sistem pendidikan. Selain itu, PPPM melalui Pelan Hala Tuju Perpaduan Dalam Pendidikan yang dirangka pada akhir tahun 2015 dan pertengahan 2016 juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pihak kementerian dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara berbilang etnik, mempunyai rakyat yang memahami dan meraikan kepelbagaian sesama mereka dan bersatu padu untuk kesejahteraan diri dan negara (KPM, 2017). Maka, pelaksanaan program atau dasar baharu memerlukan kajian semula secara lebih mendalam. Antara kajian semula yang boleh dilaksanakan ialah mengkaji kesan yang mungkin akan mempengaruhi dan memberi impak kepada golongan guru secara positif atau sebaliknya.

Justeru, adaptasi dan penggunaan instrumen kajian ini adalah bertujuan untuk memahami pemboleh ubah tersebut dengan berlatarbelakangkan kepada penerokaan dan pemahaman konsep batas etnik dalam kalangan guru-guru di sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Memandangkan isu tahap batas etnik yang nipis atau tebal masih terus menjadi persoalan di sebalik kepelbagaian bahasa, budaya, dan agama, kumpulan etnik di Malaysia dapat berhubungan dengan baik dan hidup dalam suasana aman dan damai. Walaupun, di sebalik segala kejadian pelbagai etnik yang sering berlaku, namun masih boleh

lagi mencapai kehidupan dalam suasana kesepaduan sosial (Mansor Mohd. Noor, 2012). Maka, kefahaman terhadap kepentingan tahap batas etnik yang nipis dengan mengenyampingkan sentimen kepentingan keetnikan dalam kalangan guru-guru akan dapat membekalkan pengalaman yang bermakna agar dapat membantu guru-guru menghayati dan seterusnya menerapkan konsep tersebut dalam persekitaran seharian di sekolah.

Memandangkan terdapat pelbagai instrumen yang telah disahkan untuk mengukur tahap batas etnik, para penyelidik harus mempertimbangkan sama ada perlu membuat adaptasi dan penyesuaian skala atau membina skala yang baru. Pendekatan teoritikal yang baru dan ditambah baik memerlukan pengubahsuaian skala yang telah disahkan sebelumnya. Apatah lagi bagi penciptaan instrumen yang sama sekali baru seharusnya dimulakan oleh pertimbangan yang terperinci terhadap sesuatu keperluan. Namun, lazimnya instrumen yang dibangunkan sendiri mempunyai tahap nilai pekali *alfa Cronbach* yang sederhana (Henrich, Brookmeyer & Shahr, 2005; Lee, 2010; Lee & Song, 2012), bahkan item dan dimensi yang dikenal pasti kadang kala tidak jauh berbeza dari skala sedia ada.

Maka, pemilihan instrumen yang telah disahkan sebelumnya barang kali menjadi pilihan yang lebih baik. Oleh yang demikian, penyelidik harus mempertimbangkan pelbagai faktor semasa membuat keputusan mengenai pemilihan instrumen pengukuran, antaranya mempertimbangkan pendekatan teoritikal dan konseptual bagi menentukan data yang perlu dikumpulkan. Begitu juga dengan responden, sifat populasi sasaran dan justifikasi pemilihan instrumen, sama ada instrumen yang disahkan, yang sudah ada, serta dapat memenuhi keperluan kajian ataupun tidak (Kohl, Recchia & Steffgen, 2013).

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengesahkan satu instrumen yang dapat memenuhi objektif kajian ini di samping memberi peluang kepada guru-guru untuk menilai tahap batas etnik mereka di sekolah yang bertujuan menambah baik faktor pengukuhan hubungan sosial ke arah membentuk perpaduan melalui tebal atau nipisnya tahap batas etnik dalam kalangan guru. Pemilihan dan pengesahan instrumen batas etnik di sekolah kebangsaan adalah berpandukan model KIPP (Konteks-Input-Proses-Produk) ini dapat membantu guru-guru membuat refleksi sendiri terhadap apa yang telah dialami dan dilalui dalam persekitaran sekolah. Guru-guru juga dapat mengetahui tahap penerimaannya terhadap dimensi-dimensi batas etnik yang dialami selama ini, seterusnya berusaha untuk memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam hubungan dan tahap batas etnik mereka di sekolah.

Instrumen ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan guru-guru dalam membantu perancangan strategi mengurus hubungan dan tahap batas etnik yang lebih berkesan. Hasil dapatan kajian ini membolehkan guru-guru lebih memahami dan mengetahui tahap pemahaman dan penguasaan sendiri terhadap tahap batas etnik mereka. Guru-guru juga dapat mengenal pasti masalah yang mungkin dihadapi semasa keberadaan dalam persekitaran di sekolah. Selain itu, instrumen batas etnik ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi meninjau sejauh mana tahap batas etnik yang baik ke arah hubungan etnik yang harmoni dapat dicapai secara optimum pada keadaan semasa bersesuaian dengan sasaran dan hala tuju sesebuah institusi pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengukur kebolehpercayaan pemboleh ubah tahap batas etnik di sekolah-sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan bagi a) menentukan faktor yang menyumbang kepada batas etnik di sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia, dan b) menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen batas etnik di sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Kumpulan etnik merangkumi manusia yang menganggap diri mereka sebagai kumpulan yang sama berdasarkan kepada genetik. Anggota-anggota kumpulan ini selalunya disatukan melalui ikatan emosi dan keprihatinan untuk mempertahankan kumpulan mereka. Mereka juga bercakap dalam bahasa yang sama serta berkongsi warisan tradisi budaya yang sama (Shibutani & Kwan, 1965).

Barth (1969) menyatakan bahawa untuk mengkaji konsep dan hubungan etnik, adalah menjadi keperluan untuk mengkaji batas etnik terlebih dahulu dan bukannya terus memfokuskan kepada ciri sesebuah kumpulan etnik tersebut. Ini adalah kerana pemerhatian terhadap batas etnik sesebuah kumpulan etnik itu, sentiasa berubah-ubah sehingga mempengaruhi dinamika hubungan sesebuah etnik di sesuatu tempat. Kajian perlu dijalankan terhadap perbandingan antara kumpulan etnik kerana bentuk dan keamatan hubungan sosial mereka berkemungkinan dipengaruhi oleh sama ada dimensi etnik atau sosial lain yang menjadi pengaruh sosiologi terhadap tingkah laku mereka. Contohnya, hubungan dua individu daripada dua kumpulan etnik yang berbeza tidak semestinya berbentuk keetnikan semata-mata, apabila motivasi yang membentuk hubungan tersebut lebih bersifat sosial dan bukannya etnik. Tindakan seseorang individu adalah didorong oleh pengaruh kebendaan dan status sosial. Dalam situasi sosial tertentu, pilihan terhadap kepentingan peribadi adalah lebih diutamakan daripada pengaruh struktur sosial atau dimensi sesebuah etnik (Banton, 1983).

Malesevic (2004) merumuskan bahawa konsep etnik sebagai batas yang diperkenalkan oleh Barth pada tahun 1983 adalah merupakan penemuan dalam disiplin sosiologi hubungan etnik yang berfokuskan pentafsiran semula tentang bentuk, keamatan dan peranan dimensi etnik dalam melahirkan keharmonian, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara yang bercirikan masyarakat pelbagai etnik.

Secara mudah ia berkonsepkan “*tongue wagging, time bomb* dan *booby trap*”. Walaupun wujud konflik, usaha penyatuan turut berlaku kerana rakyat Malaysia sememangnya cintakan kestabilan, kesepaduan sosial dan kemajuan, seterusnya menolak *violence option* yang mana dunia sememangnya mengiktiraf prinsip tersebut (Shamsul A. B., 2012). Isu batas antara etnik masih menjadi persoalan besar dan penyelesaian bagi masalah ini masih belum ditemui lagi, walaupun pelbagai usaha telah diambil. Masyarakat Malaysia terdiri daripada beberapa etnik utama iaitu Melayu, Anak Negeri, Cina, dan India. Mereka mempunyai bahasa ibunda yang berbeza dan sistem persekolahan yang tersendiri. Ini sekaligus telah memisahkan murid-murid mengikut bahasa pengantar di sekolah masing-masing. Tambahan pula, persefahaman antara satu sama lain juga tidak disampaikan secara menyeluruh. Malah, pada abad ke-19 sejak ketibaan orang Cina ke Tanah Melayu, kaum itu tidak lupa akan tanggungjawab sosial mendidik anak-anak mereka agar mewarisi bahasa dan budaya etnik Cina, selain bertujuan untuk mencari kekayaan. Maka, sekolah vernakular Cina telah ditubuhkan dan penubuhan sekolah tersebut telah menjadi satu agenda penting kepada mereka. Di samping itu, ibu bapa yang tidak mempunyai keyakinan terhadap sekolah kebangsaan telah menghantar anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan. Mereka beranggapan bahawa struktur pendidikan di sekolah tersebut dapat menjamin kecemerlangan akademik anak mereka. Secara tidak langsung mereka juga menjauhi hubungan antara etnik. Sebarang keadaan yang boleh mengganggu keharmonian etnik akan mengakibatkan negara kita berada dalam keadaan yang tidak stabil. Hal ini akan mendorong kepada isu perkauman dan pertelingkahan antara etnik (Sua, 2010).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan Kajian Tahap Perpaduan dalam kalangan murid dan guru buat kali ketiga pada tahun 2018. Pelaksanaan kajian ini perlu

dijalankan dalam tempoh dua tahun sekali bagi mengetahui indeks perpaduan dalam pendidikan seperti yang telah dipersetujui pada tahun 2014. Kem Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), antara program perpaduan sedia ada juga perlu terus dilaksanakan, sementara program dengan kerjasama kementerian dan agensi luar Kementerian diperkukuhkan lagi seperti Kelab Rukun Negara, Kelab Malaysia serta program pada peringkat antarabangsa (KPM, 2019).

Sememangnya, guru adalah agen sosialisasi yang penting dalam menyatupadukan murid pelbagai etnik bagi membentuk kesedaran mengenai tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Para guru juga dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan nilai, sikap dan budaya antara etnik agar pelbagai isu perkauman yang mungkin berlaku pada masa hadapan dapat dielakkan (Reynolds, 2001). Guru juga berperanan dalam menanam nilai sivik, seperti demokrasi, persamaan, toleransi, kefahaman budaya, hormat menghormati, dan kerjasama antara etnik. Di samping dapat memberikan sumbangan yang lebih relevan terhadap penambahbaikan di sekolah, khasnya dalam memantapkan tahap batas etnik. Ia menunjukkan bahawa sesungguhnya aspek batas etnik adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam semua organisasi pendidikan kerana sumbangannya yang positif kepada pelbagai pemboleh ubah di peringkat guru (Mariscal, Corredor & Cabezas, 2014).

Model Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP) merupakan kerangka komprehensif yang dibina sesuai dalam penilaian program, projek, personel, produk, institusi, dan sistem penilaian. Model ini dikembangkan pada hujung 1960an bagi membantu meningkatkan dan mencapai kebertanggungjawaban program sekolah-sekolah di Amerika Syarikat, khususnya untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di kawasan sekitar bandar-bandar. Sehingga kini, model ini terus dikembangkan dan diterapkan untuk institusi serta program-program pendidikan di dalam dan di luar Amerika Syarikat oleh pihak-pihak sekolah, universiti-universiti, agensi-agensi kerajaan, guru-guru, pentadbir pendidikan, dan juga agen-agen profesional lain yang berhasrat untuk menilai dan meningkatkan perkhidmatan mereka. Apabila Model KIPP diaplikasikan, penilaian yang dihasilkan akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuklah pentadbir, lembaga-lembaga dasar dan polisi, guru-guru, doktor-doktor, kaunselor, jurutera, pekerja-pekerja sosial, dan penyedia perkhidmatan lain; pelajar-pelajar dan ibu bapa, pesakit-pesakit, organisasi-organisasi pembiayaan, badan-badan pengawalseliaan, dan masyarakat secara amnya. Hasil penilaian ini penting dalam membantu mengembangkan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi yang diperlukan, menolong mengenal pasti dan menilai opsyen penambahbaikan alternatif, membantu memastikan kualiti dan peningkatan perkhidmatan yang berterusan, mengesahkan keberkesanan perkhidmatan dan produk, membantu mendedahkan perkhidmatan dan produk yang kekurangan, tidak diperlukan atau tidak selamat, serta membantu menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesebuah institusi (Stufflebeam, D. L. 2003).

Menurut Surucu dan Maslakci (2020), secara amnya, instrumen kajian boleh dipercayai tanpa perlunya ia menjadi sah (*valid*). Namun, sekiranya instrumen yang digunakan itu sah, maka alat mengukur tersebut boleh dipercayai (*reliable*). Walau bagaimanapun, kebolehpercayaan sahaja tidak memadai bagi memastikan kesahan. Biarpun sesebuah instrumen itu boleh dipercayai, ia tidak semestinya dapat menggambarkan tingkah laku atau kualiti yang diinginkan dengan tepat. Disebabkan oleh faktor ini, pengkaji harus menguji kesahan dan kebolehpercayaan alat pengukuran yang ingin digunakan. Kesahan merujuk kepada samada instrumen mengukur tingkah laku atau kualiti yang ingin diukur. Kesahan juga merupakan ukuran seberapa baik instrumen yang digunapakai tersebut berfungsi seperti yang diinginkan oleh pengkaji. Kesahan ditentukan oleh pentafsiran data yang bermakna dan sesuai

hasil dari analisis yang diperolehi dari instrumen yang digunakan. Kesahan ditafsirkan sebagai keadaan di mana data yang diperolehi sesuai untuk tujuan penggunaan instrumen. Penggunaan instrumen yang disahkan memastikan bahawa penemuan yang diperolehi sebagai hasil analisis adalah sah. Heale dan Twycross (2015) pula menegaskan bahawa kesahan didefinisikan sebagai sejauh mana sesebuah konsep diukur secara tepat dalam kajian kuantitatif. Dalam masa yang sama, kebolehpercayaan disebut sebagai berkait dengan ketepatan dan ketekalan ukuran. Bagi kesahan, contohnya, sebuah tinjauan yang dirancang untuk meneroka kemurungan tetapi sebaliknya mengukur keseimbangan tidak akan dipertimbangkan sebagai sah. Kebolehpercayaan pula melihat kepada sejauh mana instrumen kajian secara konsisten memberikan hasil yang sama apabila digunakan dalam keadaan yang sama berulang-ulang kali.

Dengan menggunakan model KIPP, Nor Hasnida Md Ghazali (2016) telah menjalankan kajian ke atas Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Menurutnya, penilaian terhadap pelaksanaan sistem PBS ini memerlukan sebuah instrumen yang sah, boleh dipercayai dan praktikal. Beliau memberi penekanan kepada kepentingan komponen penilaian dan pentaksiran dalam pendidikan. Dalam usaha meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah, kaitan serta interaksi antara penilaian, kurikulum dan pengajaran perlu dilihat sebagai penting. Sistem PBS, merupakan elemen utama yang menyumbang kepada perkara ini. Setakat ini, instrumen bagi menilai pelaksanaan SBA terutamanya di negara-negara Asia didapati masih lagi kurang. Oleh itu, sifat psikometrik instrumen untuk mengukur persepsi guru terhadap pelaksanaan SBA ini perlu dibina dan dinilai. Kebolehpercayaan instrumen bagi kajian ini diukur dengan menggunakan kebolehpercayaan dalaman konsisten, yang turut di ukur lagi dengan pekali alfa Cronbach. Dapatan daripada kajian rintis ini menunjukkan bahawa instrumen berasaskan KIPP yang digunakan adalah sah dan dipercayai.

Hakan dan Seval (2011) turut pernah menjalankan kajian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berasaskan model KIPP yang digunakan untuk menilai kurikulum bahasa Inggeris di sebuah universiti di Istanbul. Menurut mereka, kelebihan model KIPP adalah ia merupakan alat yang berguna bagi membantu pengkaji dalam menghasilkan soalan-soalan yang penting untuk ditanyakan dalam proses penilaian. Pengkaji dapat menetapkan banyak soalan untuk setiap komponen model KIPP. Hasil kajian menunjukkan bahawa Skala Model Penilaian KIPP mempunyai empat faktor yang terdiri daripada konteks, input, proses, produk dan instrumen yang digunakan, termasuk sampel item-item serta faktor analisis telah dibuktikan sebagai sah. Data kebolehpercayaan dalaman diperolehi melalui pekali alfa Cronbach antara empat faktor yang disebutkan ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa keempat-empat faktor ini mempunyai konsistensi dalaman kebolehpercayaan antara 0.42 hingga 0.77. Ujian Kolerasi Pearson dengan tahap signifikan $p < .01$ menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang boleh diterima. Dengan ini, terbukti bahawa instrumen berasaskan model KIPP sebagai penilaian kurikulum didapati sah dan boleh dipercayai untuk digunakan dalam bidang pendidikan.

METODOLOGI KAJIAN

Penghasilan instrumen batas etnik berdasarkan Model KIPP ini dapat membantu guru untuk membuat refleksi sendiri tentang pembolehubah batas etnik di sekolah. Guru juga dapat mengetahui tahap batas etnik sama ada tebal atau nipis dalam kalangan guru-guru selama ini dan seterusnya berusaha untuk tahap batas etnik ke suatu tahap yang lebih baik.

Instrumen batas etnik ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan guru dalam membantu pengurusan batas etnik yang lebih berkesan. Hasil kajian ini membantu guru lebih memahami dan mengetahui tahap batas etnik di sekolah. Malah, mereka juga dapat mengenal pasti masalah yang mungkin dialami semasa di sekolah dalam kalangan etnik yang pelbagai. Adalah diharapkan instrumen batas etnik ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi melihat sejauh manakah tahap batas etnik yang wujud dalam kalangan pendidik. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen batas etnik dalam kalangan guru sekolah kebangsaan.


Model penilaian KIPP (Stufflebeam, 1971) yang berasaskan kepada empat kategori maklumat penilaian iaitu penilaian konteks, input, proses dan produk dilaksanakan dan kesemua peringkat dalam kajian ini sangat penting untuk memastikan pelaksanaan kajian dapat dijalankan dengan lancar seperti yang telah dijadualkan.

Kerangka kajian ini dibangunkan berpandukan model penilaian KIPP yang direka bentuk oleh Stufflebeam (1971). Model ini adalah berasaskan kepada empat jenis maklumat penilaian iaitu penilaian konteks, input, proses dan produk yang diperlukan oleh pengguna untuk membuat keputusan. Di dalam kajian ini, model KIPP digunakan dalam membuat penilaian kesesuaian dan kebolegunaan instrumen batas etnik yang diadaptasi daripada instrumen asal.

Penilaian konteks merujuk kepada persekitaran, serta sebarang perubahan yang akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi di sekolah-sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Penilaian ini dilaksanakan untuk menyesuaikan item-item dalam instrumen secara keseluruhannya dengan persekitaran unit analisis. Penilaian input pula memberikan tumpuan kepada sumber yang terlibat dalam mengadaptasi instrumen bagi kegunaan guru-guru sekolah kebangsaan. Kesemua empat dimensi utama dikekalkan berdasarkan tinjauan literatur yang telah dibuat dan dijadikan sebagai asas kepada kerangka kajian ini. Dimensi-dimensi tersebut ialah Material, Status Sosial, Tuntutan Sosial dan Tuntutan Gantian.

Manakala, penilaian proses menumpukan kepada proses yang dilaksanakan untuk memastikan instrumen memenuhi maksud asal dan keperluan mengukur batas etnik berdasarkan dimensi-dimensi yang telah tersedia. Manakala, penilaian produk tertumpu kepada penyediaan dan penghasilan instrumen penilaian guru terhadap batas etnik di sekolah rendah yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan memuaskan. Model KIPP ini digunakan untuk membina satu kerangka konseptual yang menjelaskan hubungan antara konteks-input-proses-produk, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Penyelidik telah menggunakan model KIPP ini untuk membangunkan satu hubungan antara konteks-input-proses-produk, seperti yang dijelaskan dalam kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 1: Kerangka Konseptual



Sumber: Stufflebeam (1971)

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini adalah guru-guru yang mengajar di sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Berdasarkan dapatan Kajian Indeks Perpaduan 2016 yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM, indeks perpaduan dalam kalangan murid dan guru berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala, empat buah negeri termasuk tiga negeri di Zon Timur (Terengganu, Kelantan, Pahang) dan sebuah negeri di Zon Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) menunjukkan tahap perpaduan terendah berbanding dengan negeri lain berdasarkan Indeks Perpaduan berkenaan (KPM, 2018). Maka kajian ini memfokuskan negeri-negeri di Zon Utara yang kesemuanya berada pada tahap indeks perpaduan yang lebih baik, iaitu negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis bagi menerangkan atau meramal sesuatu keadaan yang sedang berlaku (Khalid, 2003) di negeri-negeri tersebut.

Maka, senarai sekolah-sekolah kebangsaan dipilih di keempat-empat buah negeri di Zon Utara ini. Bagi kajian ini, kaedah persampelan berstrata mengikut negeri dan daerah, serta persampelan rawak mudah. Kaedah persampelan ini dipilih memandangkan kajian ini dilaksanakan ke atas populasi melibatkan kawasan yang luas di seluruh negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia dan bilangan responden yang ramai daripada keseluruhan guru dalam populasi tersebut (Hin, 2007). Berdasarkan senarai sekolah yang tersedia dalam laman sesawang KPM, terdapat sebanyak 1,148 sekolah rendah di Zon Utara Semenanjung Malaysia (KPM, 2019) telah dikenal pasti sebagai unit analisis bagi kajian ini. Maka, sampel kajian yang telah dipilih merupakan responden dalam pelaksanaan kajian rintis ini dan seterusnya kajian lapangan yang akan dijalankan.

Jumlah populasi guru di sekolah-sekolah berkenaan adalah seramai 38,266 orang. Berdasarkan jadual penentuan sampel saiz Krejcie dan Morgan (1970), bilangan responden yang sepatutnya terlibat adalah sehingga 380 orang. Namun untuk tujuan pelaksanaan kajian rintis, sebanyak 4 buah sekolah telah dipilih bagi mendapatkan data berkenaan dengan pemboleh ubah batas etnik.

Sebanyak 20 set soal selidik telah diedarkan ke kesemua empat buah sekolah berkenaan bagi memastikan bilangan responden yang diperolehi adalah mencukupi. Secara keseluruhannya semua soal selidik yang diedarkan berjumlah 80 set. Peratusan guru-guru yang

memulangkan semula set soal selidik adalah 87.5% daripada kesemua soal selidik yang telah diedarkan. Maka, jumlah sampel akhir untuk kajian rintis ini ialah seramai 70 orang, seperti Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Sampel Kajian

Kategori Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Guru	Bilangan Responden Krejcie & Morgan (1970)	Bilangan Soal Selidik Diedar	Bilangan & Peratus Sampel Kajian
Sekolah Kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia	1,148	38,266	379-380	80	70 87.5%

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2019)

Reka Bentuk Kajian

Kajian rintis dengan pendekatan kuantitatif ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas bagi menguji persepsi guru terhadap batas etnik di sekolah-sekolah rendah di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Borang soal selidik diedarkan kepada para responden dan penggunaan instrumen merupakan kaedah yang berkesan dan menyediakan maklumat dalam bentuk kuantitatif daripada sesuatu kaji selidik yang lebih umum bagi kajian berbentuk tinjauan (Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Subramaniam, 2002). Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan untuk menyemak kebolehfungsian setiap item, serta kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan data yang diperoleh bagi setiap item melalui kajian rintis (Syed Muhd Kamal, Ahmad & Syed Muhamad Dawilah, 2014).

Sesuatu maklumat yang diperolehi diuji daripada proses penilaian instrumen, yang bergantung kepada sejauh mana lengkap dan sempurnanya reka bentuk sesuatu instrumen (Lu, 2004). Selain itu, kajian tinjauan digunakan untuk menguji kefungsian item, serta nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen melalui data yang diperolehi melalui proses kutipan data (Syed Muhd Kamal, Ahmad & Syed Muhamad Dawilah, 2014).

Setelah mengenal pasti masalah kajian, kajian ini seterusnya melibatkan tiga fasa iaitu kajian literatur, pembinaan instrumen serta menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibangunkan. Gabungan kesemua fasa tersebut telah menghasilkan instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik untuk mengukur konstruk batas etnik.

Batas Etnik dalam Kalangan Guru-guru

Dalam usia menjangkau lebih enam dekad kemerdekaan, Malaysia cukup dikenali sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni dengan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang. Namun, soal perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik masih lagi menjadi polemik dan perhatian. Justeru, perpaduan dalam kalangan masyarakat merupakan antara agenda utama negara. Shamsul Amri Baharuddin (2011) menyatakan bahawa sehingga kini, Malaysia mencapai tahap kesepaduan sosial yang merupakan acuan kepada tahap perpaduan berpaksikan perundingan, toleransi, dan persetujuan antara pelbagai kelompok etnik berbeza. Perpaduan merupakan suatu usaha berterusan di semua peringkat lapisan masyarakat yang bermula sejak era sebelum merdeka hinggalah sekarang.

Batas etnik merupakan satu konsep yang sering dikenal pasti melalui pelbagai instrumen standard dan sah yang telah tersedia bagi mengukur pemboleh ubah tersebut. Bahkan, instrumen yang sama kadang kala dapat disesuaikan agar memenuhi keperluan semasa dan setempat menggunakan pendekatan teori yang berbeza (Kohl, Recchia & Steffgen, 2013). Justeru, tahap batas etnik telah menjadi tumpuan dan mendapat perhatian yang lebih meluas dalam merancang dan membentuk polisi pendidikan tentang perpaduan. Sensitiviti etnik dalam kalangan guru perlu diukur bagi melihat tahap sensitiviti para guru terhadap kepelbagaian etnik yang wujud dalam kalangan mereka. Ini kerana guru merupakan agen sosialisasi yang penting bagi melahirkan generasi yang saling menghormati antara etnik (Hie et al., 2018).

Batas Etnik Sebagai Sebuah Konstruk

Pemboleh ubah tahap batas etnik sebagai konstruk utama kepada hubungan etnik telah menerima perhatian yang meluas sebagai satu cara untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan warga sekolah. Penilaian terhadap kewujudan literatur-literatur tentang batas etnik dalam institusi pendidikan serta kaedah untuk memfokuskan kekuatan, kelemahan, serta jurang dalam apa sahaja cara yang boleh dilaksanakan oleh para penyelidik bagi mendalami konstruk batas etnik tersebut.

Banyak kajian menunjukkan bahawa kepentingan tahap batas etnik amat dititikberatkan. Hubungan yang harmoni antara etnik terus mendapat perhatian serius oleh sebahagian besar masyarakat (Mansor Mohd Noor, 2001; Rusimah Sayuti, et al., 2004). Isu-isu sensitif antara etnik berkaitan hak, bangsa, kepercayaan, agama dan budaya sering menjadi polemik. Persoalan-persoalan sensitif dan menggugat sentimen masyarakat berbilang etnik dibangkitkan secara berleluasa oleh individu dan pihak tertentu demi memperjuangkan kepentingan etnik masing-masing.

Pembinaan Instrumen Kajian

Proses mengadaptasi skala mempunyai pelbagai kelebihan dan kekurangan. Antaranya, skala yang sedia ada mungkin tidak merangkumi semua dimensi dalam pemboleh ubah. Oleh itu, menyesuaikan skala yang sudah disahkan mempunyai kelebihan, iaitu skala asal dan ukuran kesahan dan kebolehpercayaannya dapat bertindak sebagai penanda aras untuk ukuran kesahan dan kebolehpercayaan skala yang diadaptasi. Dari segi kelemahan, pengkaji perlu ingat bahawa setiap skala seharusnya menjalani ujian kesahan dan kebolehpercayaan yang ketat untuk mengukur instrumen yang telah diuji secara meluas dalam populasi yang berbeza. Juga, dalam keadaan di mana instrumen yang telah disahkan mampu merangkumi semua dimensi dalam pemboleh ubah yang diperlukan, adalah merugikan untuk mengadaptasi atau membuat sesuatu skala baru, iaitu lebih baik menggunakan instrumen yang telah sah dan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik (Kohl, Recchia & Steffgen, 2013), sebagaimana instrumen tahap batas etnik ini.

Justeru, instrumen batas etnik ini telah diadaptasi daripada instrumen yang dibangunkan oleh Banton dan Mansor Mohd. Noor (1992) bagi menyesuaikan item-item yang terdiri daripada empat komponen iaitu Material, Status Sosial, Tuntutan Sosial dan Tuntutan Gantian, yang akan digunakan dengan persekitaran organisasi pendidikan dan populasi kajian dalam kalangan guru sekolah kebangsaan. Untuk tujuan dan keperluan kajian ini, skala asal instrumen ini yang berbentuk skala nominal telah ditukar kepada bentuk skala interval bagi memenuhi syarat melaksanakan analisis parametrik, iaitu bagi mengukur sikap dan persepsi

guru-guru terhadap pemboleh ubah Batas Etnik. Skala nominal yang asal dengan 3 pilihan jawapan ditukar kepada skala interval 5-mata dengan julat 1 (Sangat tidak setuju) hingga 5 (Sangat setuju). Terdapat tiga (3) item negatif yang telah dikodkan semula bagi memenuhi keperluan unidimensi instrumen, iaitu item C2, C9 dan C10.

Sebanyak 12 item telah digunakan dalam instrumen penilaian batas etnik ini. Bilangan dan pecahan item mengikut konstruk bagi instrumen ini ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Item Berdasarkan Dimensi dalam Instrumen Batas Etnik

Dimensi	Nombor Item	Bilangan Item
Status sosial	1 - 3	3
Material	4 - 6	3
Tuntutan sosial	7 - 9	3
Tuntutan gantian	10 - 12	3
Instrumen Batas Etnik	1 - 12	12

Sumber: Banton & Mansor Mohd. Noor (1992)

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Batas Etnik

Apabila proses adaptasi selesai, instrumen kajian telah diserahkan kepada tiga pakar bidang untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya sesuai dan menepati objektif kajian. Keseluruhan item-item dalam instrumen telah disemak oleh pakar-pakar bidang pengajian etnik untuk mendapatkan kesahan kandungan (*content validity*) instrumen yang dibangunkan. Pakar-pakar bidang ini telah menyemak, memberikan maklum balas serta cadangan terhadap item-item dalam instrumen. Melalui proses ini keperluan untuk mendapatkan kesahan muka dapat dipenuhi dan dicapai.

Seterusnya, maklum balas dan penilaian pakar telah dianalisis. Penempatan item menurut dimensi yang ditentukan boleh dikekalkan jika sekurang-kurangnya 80% pakar bersetuju bahawa item tersebut sesuai bagi dimensi yang telah ditetapkan, manakala item yang memperoleh kurang daripada 60% persetujuan pakar perlu disingkirkan. Item yang memperoleh persetujuan pakar antara 60% hingga 80% pula perlu dimurnikan berdasarkan cadangan dan komen daripada kumpulan pakar (Mohd Sahandri et al., 2013). Jadual 2 menunjukkan maklum balas bagi kesemua panel penilai instrumen.

Jadual 3: Maklum Balas Keseluruhan Panel Penilai Instrumen

Item Semakan	Pakar		
	1	2	3
Ketepatan penggunaan dimensi	Ya	Ya	Ya
Format instrumen kajian	Ya	Ya	Ya
Kejelasan makna setiap item	Baiki	Baiki	Baiki
Kesesuaian bahasa yang digunakan	Ya	Baiki	Baiki
Kesesuaian saiz tulisan	Ya	Ya	Ya
Kejelasan tentang arahan yang diberikan	Ya	Ya	Baiki

Penggunaan jarak tulisan	Ya	Ya	Ya
Petunjuk bagi skala pengukuran	Ya	Ya	Ya
Kejelasan objektif instrumen	Ya	Ya	Ya
Ejaan betul	Ya	Baiki	Ya
Ulasan keseluruhan	Sesuai	Sesuai	Sesuai

Sumber: Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Wei (2017)


Dalam tempoh dua minggu, borang-borang soal selidik yang telah diedarkan di sekolah-sekolah yang dipilih dan seterusnya dipungut semula dengan kaedah dalam talian kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Kesemua borang telah dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20.0 untuk menganalisis data deskriptif (Creswell, 2014). Data kajian dianalisis menggunakan analisis skala bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan *alfa Cronbach*.

Bagi pelaksanaan kajian rintis, instrumen kajian telah diemelkan kepada semua responden yang dipilih daripada lapan buah sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Kajian rintis dijalankan bagi memastikan instrumen yang digunakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi bagi kegunaan kajian lapangan seterusnya (Chua, 2011; Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2014). Malah, kajian rintis juga dilaksanakan bagi menambah baik item agar instrumen yang dibina benar-benar berupaya mengukur pemboleh ubah kajian (Creswell, 2014; Chua, 2011), iaitu tahap batas etnik. Selain memastikan setiap item boleh difahami dengan jelas, tempoh masa menjawab yang diambil oleh responden juga boleh dikenal pasti. Semasa kajian rintis dilaksanakan, didapati bahawa masa yang diambil oleh responden adalah dalam tempoh masa 10 hingga 20 minit sahaja.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Model laluan bagi pemboleh ubah Batas Etnik dengan empat (4) dimensi ditunjukkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Model Laluan Batas Etnik



Dalam model laluan Batas Etnik ini, nilai muatan faktor memenuhi kesahan konvergen bagi kesemua empat dimensi. Pertama, semua nilai muatan faktor menyumbang nilai yang baik dan lebih besar daripada 0.500 (Hair et al., 2007), dengan kebanyakannya melebihi 0.850. Julat muatan faktor bagi semua item adalah di antara 0.853 (item C4) bagi yang terendah hingga 0.983 (C9) bagi yang tertinggi. Manakala bagi julat muatan faktor bagi semua dimensi adalah di antara 0.749 (Tuntutan Sosial) bagi yang terendah hingga 0.948 (Status Sosial) bagi yang tertinggi. Kedua, nilai kebolehpercayaan komposit bagi setiap dimensi melebihi 0.70, dengan julat antara 0.949 (Material) hingga 0.980 (Tuntutan Sosial), manakala nilai kebolehpercayaan komposit bagi pemboleh ubah Batas Etnik ialah 0.968. Ketiga, nilai AVE bagi setiap dimensi melebihi 0.50, dengan julat antara 0.861 (Material) hingga 0.942 (Tuntutan Sosial), manakala nilai AVE bagi pemboleh ubah Batas Etnik ialah 0.715. Nilai muatan faktor, kebolehpercayaan komposit dan AVE yang tinggi dan melebihi nilai pemutus (*cut-off*) membuktikan bahawa pengukuran Batas Etnik ini telah memenuhi kesahan konvergen.

Dapatan kajian rintis tentang instrumen batas etnik di sekolah kebangsaan menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh bagi kesemua empat dimensi dalam instrumen berkenaan. Berdasarkan Jadual 4, nilai alfa Cronbach berada dalam julat $\alpha=.918$ hingga $\alpha=.969$. Nilai alfa Cronbach yang tertinggi ialah $\alpha=.969$ bagi dimensi tuntutan sosial dan diikuti dengan dimensi tuntutan gantian, $\alpha=.966$. Manakala, nilai alfa Cronbach yang paling rendah pula bagi dimensi material, dengan nilai $\alpha=.918$. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai alfa Cronbach keseluruhan bagi instrumen batas etnik ini ialah $\alpha=.963$. Nilai ini menunjukkan bahawa instrumen iklim sekolah ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sangat baik.

Jadual 4: Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Batas Etnik bagi Kajian Rintis

Pemboleh Ubah	Dimensi	Item	Alfa Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan	Keboleh-percayaan Komposit	AVE
Batas Etnik	1 Material	3	.918	Sangat baik	.949	.861
	2 Status Sosial	3	.944	Sangat baik	.964	.899
	3 Tuntutan Sosial	3	.969	Sangat baik	.980	.942
	4 Tuntutan Gantian	3	.966	Sangat baik	.978	.937
Jumlah	4	12	.963	Sangat baik	.968	.715

Nilai *alfa Cronbach* yang berada antara julat tersebut menunjukkan kesemua item, dimensi dan pemboleh ubah dalam instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik dan diterima (Hair, Babin, & Krey, 2017). Maka, semua item dalam instrumen kajian boleh dikekalkan dan sesuai untuk digunakan untuk mengukur pemboleh ubah batas etnik dalam kajian lapangan yang akan dilaksanakan.

KESIMPULAN

Proses adaptasi dan pengesahan instrumen penilaian batas etnik adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi guru-guru terhadap batas etnik di sekolah-sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan model penilaian

konteks-input-proses-produk (KIPP) (Stufflebeam, 1971). Berpandukan model ini, pengkaji telah menghasilkan kerangka konseptual bagi kajian ini yang menggambarkan hubungan antara konteks, input, proses dan produk yang telah diperjelaskan.

Kajian ini dijalankan melalui tiga fasa. Proses pertama dimulakan dengan menentukan pernyataan masalah, diikuti oleh objektif dan soalan kajian. Proses kedua ialah tinjauan-tinjauan literatur tentang langkah-langkah mengadaptasi instrumen, model yang digunakan, prosedur menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dikumpul dan dianalisis. Manakala proses ketiga melibatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang diadaptasi. Kesemua fasa ini menghuraikan prosedur yang dilaksanakan oleh penyelidik dalam proses mengadaptasi instrumen yang merangkumi penentuan dimensi dan pemboleh ubah yang berkenaan, penentuan kesahan, pengukuran skor data bagi setiap dimensi, penentuan kebolehpercayaan dan penghasilan instrumen akhir setelah pemurnian. Seterusnya kesahan item disemak dan disahkan oleh pakar-pakar bidang pengajian etnik. Manakala kebolehpercayaan instrumen dianalisis menggunakan data kuantitatif yang dikumpul melalui kajian rintis dianalisis bagi menentukan nilai pekali *alfa Cronbach*.

Secara keseluruhannya, analisis kebolehpercayaan instrumen bagi kajian rintis batas etnik ini menunjukkan instrumen yang digunakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik. Dimensi tuntutan sosial dan tuntutan gantian kesemuanya menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik, diikuti oleh dimensi status sosial dan material. Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan kajian rintis, instrumen batas etnik di sekolah rendah menepati nilai kebolehpercayaan yang memuaskan dan sesuai diterima pakai untuk mengkaji batas etnik.

Terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti, antaranya sampel bagi kajian ini adalah terdiri guru-guru di sekolah kebangsaan di Zon Utara Semenanjung Malaysia sahaja. Justeru, dicadangkan sampel kajian boleh diperluaskan dengan melibatkan guru-guru dari sekolah menengah yang lain juga supaya dapat merangkumi pemahaman tentang batas etnik secara lebih menyeluruh di sekolah-sekolah di Malaysia. Instrumen batas etnik yang diadaptasi ini merupakan satu bentuk pengukuran yang fleksibel. Instrumen ini boleh dilaksanakan secara berasingan mengikut dimensi-dimensi yang telah ditetapkan, antaranya material, status sosial, tuntutan sosial dan tuntutan gantian. Justeru, terdapat beberapa pandangan yang boleh diberikan perhatian dalam kajian akan datang dengan tujuan penambahbaikan penghasilan instrumen yang dibina serta boleh dijadikan sebagai panduan untuk kegunaan di masa akan datang.

Sehubungan itu, instrumen batas etnik wajar disahkan kerana guru dapat menilai tahap batas etnik secara sendiri. Malah, guru-guru dapat mengetahui tahap ketebalan batas etnik masing-masing. Faktor ini merupakan salah satu usaha ke arah mencapai tahap batas etnik yang lebih nipis. Kesimpulannya, kajian terhadap tahap batas etnik adalah sangat bermakna untuk dilaksanakan. Data-data terkini juga harus sentiasa dikumpulkan daripada para guru dari semasa ke semasa untuk menentukan penilaian sendiri guru-guru dalam usaha meningkatkan dan menambah baik tahap batas etnik seterusnya memacu perpaduan dan keharmonian dalam persekitaran pendidikan.

RUJUKAN

- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Subramaniam, M. (2002). *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Banton, M. & Mansor Mohd. Noor. (1992). The study of ethnic alignment: a new technique and an application in Malaysia. *Ethnic and Racial Studies* 15(4), 599-613.
- Banton, M. (1983). *Racial and Ethnic Competition*. Cambridge University Press.
- Barth, F. (1969). *Ethnic Groups and Boundaries in the Social Organisation of Cultural Differences*. Allen and Unwin.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Sage Publications Ltd.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Universiti Utara Malaysia.
- Hair, J. F., Babin, B. J., & Krey, N. (2017). Covariance-based structural equation modeling in the Journal of Advertising: Review and recommendations. *Journal of Advertising*, 46(1), 163–177.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). Prentice Hall.
- Henrich, C., K. Brookmeyer, & G. Shahar. (2005). Weapon violence in adolescence: Parent and school connectedness as protective factors. *Journal of Adolescent Health*, 37(4). 306–312.
- Hakan, K. & Seval, B. (2011). CIPP evaluation model scale: development, reliability and validity. *Procedia Social and Behavioral Science* (Elsevier). Vol. 15. p. 592-599
- Heale, R. & Twycross, A. (2015). Validity and Reliability In Quantitative Research, *Evidence Based Nursing*, Vol. 18 (3), 65-68.
- Hie, Y. H., Samsu, K. H. K., Adnan, Z. H., Awang, M. D., & Ab Halim, A. (2018). Peranan Guru Sebagai Agen Sosialisasi dalam Membentuk Perpaduan Kaum di Sekolah. *Akademika* 88(2), 95-108.
- Hin, L. C. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. McGraw-Hill.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Laporan Tahunan 2016: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Laporan Tahunan 2017: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Laporan Tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Prentice Hall.
- Kohl, D., Recchia, S., & Steffgen, G. (2013). Measuring school climate: an overview of measurement scales, *Educational Research* 55(4), 411-426.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30, 607-610.
- Lee, C. H., (2010). An ecological systems approach to bullying behaviors among middle school students in the United States. *Journal of Interpersonal Violence* 3, 1-30.

- Lee, C.-H., & Song, J. (2012). Functions of parental involvement and effects of school climate on bullying behaviors among South Korean middle school students. *Journal of Interpersonal Violence* 27(12), 2437–2464.
- Malesevic, Sinisa. (2004). *The Sociology of Ethnicity*. SAGE Publications Ltd.
- Mansor Mohd. Noor. (2001). Cohesion and Consensus: The Prevalence of Ethnic Harmony in a University Campus. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 17, 91-111.
- Mansor Mohd. Noor. (2005). *Integrasi Etnik di Institusi Awam*. IPPTN.
- Mansor Mohd. Noor. (2012). *Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik: Kepelbagaian Etnik dan Perkongsian Hidup Bersama di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mariscal, D. C., Corredor, G. A. & Cabezas, M. F. (2014). Future Teachers' Attitudes Towards Cultural Diversity, Minorities and Gender Violence. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 132, 497-503.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow, T. W. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian sendiri pembelajaran Geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning & Instruction* 14(1), 211-265.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Laily Paim, Sharifah Azizah Haron & Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah. (2013). *Buku Panduan Pembinaan Instrumen "Anda dan Kepenggunaan."* Emeritus Publications.
- Nor Hasnida Md Ghazali. (2016). A Reliability and Validity of an Instrument to Evaluate the School-Based Assessment System: A Pilot Study. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, Vol. 5 (2), p. 148-157.
- Reynolds, M. R. (2001). The effects of teacher ethnicity, teacher gender, student ethnicity, and teacher efficacy on ratings of academic achievement and causal factors. Doctoral Dissertation. East Carolina University.
- Sayuti, R., Abdullah, M. A. I. L., & Ishak, S. (2004). *Kajian Hubungan Kaum di Kalangan Pelajar. Sekolah Pembangunan Sosial, UUM.*
- Shamsul A. B. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Penerbit UiTM.
- Shamsul A. B. (2011). *Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia Sebagai Work-in-Progress*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shibutani, T. & Kwan, K. M. (1965). *Ethnic Stratification: A Comparative Approach*. The MacMillan Company.
- Stufflebeam, D.L. (1971). The Relevance of CIPP Evaluation Model for Educational Accountability. *Journal of Research and Development in Education* 5(1), 19-25.
- Stufflebeam, D. L. (2003). "The CIPP Model for Evaluation," dalam Kellaghan, T and Stufflebeam, D. L., *International Handbook of Educational Evaluation*, Dordrecht: Kluwer Academic Publishers, pp. 31-62.
- Sua, T. Y. (2010). Gerakan Bahasa Cina di Malaysia, 1952-1967: Hubungan Bahasa dan Etnik dalam Masyarakat Majmuk. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 2(1), 144-164.
- Surucu, L. & Maslakci, A. (2020). Validity And Reliability In Quantitative Research, *Business and Management Studies Journal (BMIJ)*, Vol. 8 (3) : p. 2694-2726. DOI: <http://dx.doi.org/10.15295/bmij.v8i3.1540>
- Syed Muhd Kamal S.A.B., Ahmad, E. & Syed Muhamad Dawilah, S. A. (2014). Instrumen Penilaian Kemahiran Generik dalam Kursus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK):

Metode Kajian. Dlm. Anon (Ed.) *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan* (pp. 225-236). Universiti Sains Malaysia.

MAKLUMAT PENULIS

AMRAN OMAR

Institut Aminuddin Baki (IAB)
amranomar@iab.edu.my

SHAZLIN AMIR HAMZAH

Institut Kajian Etnik (KITA),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
shazlin@ukm.edu.my

CHANG PENG KEE

Pusat Kajian Media dan Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
chang@ukm.edu.my